

Jendela

www.lib.usm.my


ISSN: 2289-1595

Bil.6/2012

Menarik Di Dalam...

- | | |
|---|--|
| <i>Secangkir Kopi Secawan Teh
Daripada Ketua Pustakawan</i> | J1 |
| <i>Sekacip Pinang
Dari Meja Ketua Pengarang</i> | J2 |
| <i>Sepetang Bersama</i> | J3 |
| <i>Karya Perpustakaan</i> | J7
J11
J16
J22 |
| <i>Kembara Peristiwa</i> | J10
J13
J14
J18
J24
J28 |
| <i>Slot Bibir</i> | J15 |
| <i>Penyelidikan@Perpustakaan</i> | J19 |
| <i>Penerbitan Artikel Jurnal</i> | J21 |
| <i>Retro@Perpustakaan</i> | J23 |
| <i>Trek@Perpustakaan: Tokoh Sukan</i> | J25 |
| <i>Trek@Perpustakaan: SUKJAB 2012</i> | J27 |
| <i>Mahligai Cinta 2011</i> | J29 |
| <i>Belasungkawa</i> | J29 |
| <i>Permata Hati Warga Perpustakaan
2011</i> | J30 |

DHS DULU...KINI...DAN SELAMANYA...



Sidang Editor

Penasihat: Tuan Haji Mohd Pisol Ghadzali
Ketua Pengarang: Rizalawati Ayu Abdul Razak
Pengarang:
Noor Anisah Khadiri@Dari
Mohd Kamal Mohd Napiah
Jamilah Hassan Basri
Suhana Ishak
Ainun Zakiah Zaniel
Mohd Fathullah Zulkeply
Rekabentuk: Noor Azlinda Wan Jan

ISSN 2289-1595



9 772289 159007

Secangkir Kopi Secawan Teh

Daripada Ketua Pustakawan

Assalamualaikum

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah s.w.t. di atas limpah rahmat dan inayah-Nya, penerbitan baru Jendela dapat direalisasikan. Syabas dan tahniah saya rakamkan kepada semua pihak yang telah menunjukkan komitmen, inisiatif dan kreativiti untuk menghidupkan kembali penerbitan majalah ini.

Penerbitan majalah Jendela merupakan salah satu aktiviti luar 'bilik pejabat' yang diusahakan oleh staf perpustakaan dengan tujuan untuk mendokumentasikan seluruh kegiatan perjalanan perpustakaan sepanjang tahun. Majalah ini juga merupakan satu dokumen yang berharga pada masa-masa mendatang untuk melihat dan mengungkap kembali kemajuan-kemajuan serta perkembangan-perkembangan yang telah dicapai oleh perpustakaan.

Saya percaya kejayaan perpustakaan ini bukan hanya bergantung kepada satu pihak sahaja malahan yang lebih penting ialah penglibatan kerjasama semua pihak bagi merealisasikan impian dan harapan untuk menjadikan Perpustakaan USM ini sebagai perpustakaan yang terus meyokong inspirasi pembelajaran di universiti. Justeru hubungan akrab antara perpustakaan, pelajar dan universiti memainkan peranan utama bagi mencapai tujuan dan hasrat ini. Senario inilah yang kita harapkan dapat diketengahkan atau diwar-warkan oleh Jendela dalam keluaran yang seterusnya.

Saya juga mengharapkan agar semua pihak dapat bekerjasama sebagai satu pasukan bagi merealisasikan visi dan misi kecemerlangan dan keterbilangan yang kita idamkan. Segala bentuk sumbangan sama ada dari sudut moral, material, ide dan kritikan membina amat dialu-alukan bagi kejayaan majalah perpustakaan kita ini.

Akhir kalam, saya mendoakan semoga Jendela dan sidang redaksinya akan terus berjaya dalam semua lapangan dan 'Jendela Perpustakaan' akan terus terbuka dan terus menjadi bahan dokumentasi yang unggul sebagai pemacu kegemilangan staf Perpustakaan Univesiti Sains Malaysia.

Juan Haji Mohd Pisol Ghadzali
Ketua Pustakawan
Perpustakaan Universiti Sains Malaysia



Sekacip Pinang Dari Meja Ketua Pengarang

Alhamdulillah JENDELA kini telah terbuka luas untuk tahun 2012. Buletin Perpustakaan separa akademik yang bernama JENDELA menemui khalayaknya bagi edisi ke 6. Mulai keluaran ini, JENDELA telah mempunyai nombor ISSN (International Serials Data System). Ia memberi makna yang besar apabila buletin ini kini berdaftar dengan pangkalan data antarabangsa iaitu "ISSN Register" dan diindeks sebagai sebahagian penerbitan berkala di Malaysia. Banyak perubahan telah berlaku di Perpustakaan sejak keluaran yang lepas. Pimpinan Perpustakaan USM datang dan pergi. Kini Perpustakaan USM diterajui oleh Tuan Haji Mohd Pisol bin Ghazali. Beliau dilantik semenjak tahun 2009 dan merupakan Ketua Pustakawan yang ke-6 bagi Perpustakaan USM. Di bawah pimpinannya, Perpustakaan USM telah memperolehi bangunan baru yang terletak berhampiran bangunan PHS 1. Berkonsepkan moden, santai dan segar, bangunan baru ini yang dikenali sebagai Perpustakaan Hamzah Sendut menjadi pilihan ramai pelajar sebagai tempat belajar sambil beristirahat.

Untuk keluaran ini, JENDELA mengketengahkan individu yang banyak berjasa kepada Perpustakaan USM iaitu Encik Mohd Idris Haji Ali, bekas Timbalan Ketua Pustakawan. Beliau yang telah bersara wajib pada bulan Mac 2012 yang lalu sewajarnya dicontohi oleh generasi muda yang berkhidmat di Perpustakaan. Memulakan kerjayanya sebagai kerani Perpustakaan, atas usaha gigihnya mencari ilmu, akhirnya beliau bersara sebagai Timbalan Ketua Pustakawan. Malah banyak gambar-gambar lama Perpustakaan USM sekitar akhir tahun 1970-an, 1980-an dan 1990-an diperolehi dari koleksi peribadi beliau.

Walaupun agar sukar sebenarnya untuk bangkit setelah lama dalam keadaan "koma", namun akhirnya buletin ini berjaya diterbitkan untuk edisi ke-6 tahun 2012 dengan kerjasama dan usaha gigih sidang Redaksi JENDELA. Terima kasih kepada semua penyumbang artikel serta staf-staf yang sudi meminjamkan gambar-gambar lama Perpustakaan dalam koleksi peribadi mereka. Tanpa kerjasama semua, JENDELA ini tentulah masih lagi tertutup. Semoga JENDELA menjadi langkah pertama bagi warga Perpustakaan USM untuk bergiat aktif dalam bidang penulisan. Seperti mana yang pernah diungkapkan oleh Pramodya Ananta Toer;


"Orang boleh pandai setinggi langit tapi selama ia tidak menulis, ia akan hilang dari masyarakat dan sejarah"

Selamat membaca dan teruskan menulis.

Rizalawati Ayu Abdul Razak
Ketua Pengarang
Sidang Redaksi Jendela 2012



**MANTAN TIMBALAN KETUA PUSTAKAWAN
ENCIK MOHD IDRIS HAJI ALI**



Encik Mohd Idris Haji Ali yang semua orang kenali adalah seorang yang bersahaja, tegas dan berjiwa besar. Beliau baru sahaja bersara dan menamatkan perkhidmatan pada 12 Februari lalu. Beliau adalah antara seorang ketua yang banyak menyumbang jasa dan idea selama perpustakaan mencecah umur 43 tahun dan merupakan staf perpustakaan terawal dalam membangunkan perpustakaan sehingga berdiri kukuh kini.

Bermula dengan jawatan Kerani pada tahun 1973, beliau merancang satu anjakan paradigma di dalam diri sendiri. Beliau percaya kecemerlangan boleh diraih dengan ketekunan dan kecekalan. Berbekalkan sumber kewangan yang terhad, beliau menyambung pelajaran sehingga ke peringkat tertinggi bagi meraih dan membuktikan kejayaan boleh dicapai dengan kegigihan. Sehingga beliau dilantik menjadi Timbalan Ketua Pustakawan, Bahagian Perancangan dan Pembangunan Sumber Perpustakaan USM pada 2008 dan ia bukanlah mudah untuk berada di tahap ini.

Sikap, mentaliti dan momentum kepimpinan yang berwibawa Encik Mohd Idris Haji Ali masih boleh dirasakan oleh warga Perpustakaan khasnya peneraju generasi baru. Sidang editor berasa amat bertuah dapat berkongsi rasa dan pengalaman beliau sepanjang perkhidmatannya. Ketua Editor, Rizalawati Ayu Abd Razak dan pengarang, Jamilah Hassan Basri telah menemuramah beliau baru-baru ini di Anjung Semarak.

Apakah falsafah kepimpinan Encik Mohd Idris Haji Ali?

ENCIK MOHD IDRIS HAJI ALI: Falsafah kepimpinan yang saya bawa selama ini amat mudah dan ringkas iaitu *delegate the task* kepada orang, mengurangkan birokrasi dalam kepimpinan supaya kita mudah didekati, percaya kepada kebolehan orang lain dan yang terakhir adalah pekerjaan adalah satu ibadat. Jika kita dapat membawa ini semua, hati kita akan lapang dan inilah yang selalu saya katakan 'rezeki halal membawa berkat'.

Dalam tempoh perkhidmatan menjangkau selama 39 tahun, apakah faktor-faktor kejayaan perpustakaan setakat ini?

ENCIK MOHD IDRIS HAJI ALI: Faktor utama adalah kerjasama daripada semua pihak, tidak kira daripada peringkat bawahan hinggalah ke pengurusan tertinggi. Masing-masing memainkan peranan penting dalam organisasi. Seterusnya, saya lihat disiplin dan ketekunan daripada staf yang sama-sama membangunkan perpustakaan. Kemudian, faktor-faktor lain seperti kejayaan dalam pembangunan koleksi perpustakaan kita yang mencecah lebih sejuta naskhah sehingga ia menyumbang dalam kriteria universiti APEX yang turut membantu dalam menaikkan taraf perpustakaan seterusnya menjulang nama universiti.

Adakah hala tuju perpustakaan sudah tercapai?

ENCIK MOHD IDRIS HAJI ALI: Dari segi pembangunan koleksi, hala tuju perpustakaan kita sudah tercapai. Tapi, saya tidak mahu warga perpustakaan selesa dan hanya berbangga dengan jumlah koleksi bahan, fokus utama adalah penumpuan kepada bagaimana koleksi itu di dimanfaatkan oleh pelanggan. Seumpama, kita berbangga dengan masjid yang indah, tapi orang tidak datang bersembahyang. Kita wajar bimbang dengan penurunan penggunaan koleksi setiap tahun. Pendek kata, fokus kepada pelanggan adalah hala tuju yang menjadi keutamaan sekarang ini. Pandangan jujur saya, kita masih ketinggalan daripada menawarkan perkhidmatan yang unggul kepada pelanggan seterusnya menyumbang kepada pengurangan statistik penggunaan perpustakaan.

Apakah perbandingan antara perpustakaan kita dengan perpustakaan lain di luar negara yang pernah dilawati?

ENCIK MOHD IDRIS HAJI ALI: Kalau dibandingkan dengan perpustakaan di luar negara, tentulah kita masih jauh ketinggalan. Contohnya pengalaman saya sendiri ketika menjalani latihan praktikal di Perpustakaan Universiti Queensland, Australia. Koleksi-koleksi mereka semuanya adalah terbuka dan boleh di pinjam. Mereka tidak membataskan penggunaan koleksi mereka kepada pengguna. Ini adalah perkara yang wajar kita nilai semula, kaji dan contohi pada polisi kita supaya kita juga tidak membataskan penggunaan koleksi kita pada pengguna daripada segi akses dan masa. Sudah tentu pengguna kita tidak ada rungutan dan menghargainya.



Selain itu, dibandingkan dengan negara membangun seperti kita, adalah wajar kita mencontohi sikap layanan ramah mesra mereka, seperti lawatan saya ke Universiti Jogjakarta, Indonesia. Walaupun daripada segi teknologi mereka agak terkebelakang tetapi komitmen dan kerjasama antara staf-staf mereka terpancar dengan ikhlas ketika lawatan saya bersama Ketua Pustakawan dahulu pada tahun 2011.





dengan masalah birokrasi, bajet, masalah dalaman dan sebagainya.

Apakah saat-saat manis yang dikenang selepas bersara daripada PHS?

ENCIK MOHD IDRIS HAJI ALI: Saya sentiasa terkenang hubungan erat sesama staf dan rakan taulan sepanjang tempoh perkhidmatan saya. Kenangan menganjurkan lawatan dan rombongan semasa saya menjadi Setiausaha ASTAKA dan Naib Presiden ASTAKA ketika itu. Acapkali juga saya terkenang saat-saat manis saya lulus peperiksaan di peringkat tertinggi dan terus memegang jawatan yang sesuai dengan kelayakan saya. Perkara tersebut sukar dan getir ketika melaluinya tapi indah dan manis untuk dikenang.



Apakah perbandingan antara staf terdahulu dan sekarang?

ENCIK MOHD IDRIS HAJI ALI: Saya telah melalui 3 dekad lamanya berkhidmat di PHS. Banyak perbezaan diperhatikan seiring perubahan zaman. Pada zaman 1970-an, staf perpustakaan amatlah sedikit. Hanya terdiri daripada belasan orang sahaja dan setiap daripada kami mempunyai hubungan yang amat mesra dan erat. Kumpulan staf perpustakaan juga adalah antara yang digeruni di USM kerana kehebatan dan semangat kesukanan yang tinggi, contohnya dalam sukan bola sepak. Disiplin staf juga di tahap yang amat memuaskan. Seluruh struktur perpustakaan telah berubah mengikut perkembangan teknologi. Kini, staf perpustakaan mencecah lebih daripada 100 orang. Ternyata beban kerja semakin ringan dengan bantuan teknologi dan sistem pengkomputeran. Beberapa masalah disiplin juga timbul, tetapi dapat diselesaikan dengan beberapa kaedah yang diperuntukkan oleh universiti seperti mengeluarkan memo dan notis, melalui prosedur perundangan dan sebagainya.

Adakah terdapat perkara yang pernah dirancang untuk PHS tetapi tidak dapat dipenuhi kerana faktor-faktor tertentu?

ENCIK MOHD IDRIS HAJI ALI: Banyak perkara yang dirancang dapat dilaksanakan dengan lancar hasil keputusan mesyuarat dan komitmen semua pihak, tetapi masih berbaki beberapa perkara yang ingin saya laksanakan seperti pengautomasian seluruh perpustakaan. Saya mengimpikan keseluruhan operasi Perpustakaan kita diautomasikan supaya kita relevan dengan zaman, tidak ketinggalan daripada aspek teknologi. Ini berhubung



Apakah aktiviti-aktiviti yang dilakukan selepas bersara?

ENCIK MOHD IDRIS HAJI ALI: Semasa bekerja dahulu juga satu ibadah seiring dengan niat dan ketekunan melaksanakan pekerjaan. Tetapi, sejak berpencen saya lebih merasa nyaman dan tenang untuk melaksanakan ibadah-ibadah harian seperti menghafal al-Quran, bertalaqqi, mengikuti kelas agama dan menjalani aktiviti kemasyarakatan. Saya rasa ini perkara terbaik dapat dilakukan untuk menyiapkan bekal saya di akhirat kelak.

Harapan dan saranan pada staf, peneraju-peneraju muda PHS dan seluruh warga perpustakaan?

ENCIK MOHD IDRIS HAJI ALI: Saya berharap kita dapat membina jaringan hubungan yang mantap dengan jabatan lain, seperti jaringan perpustakaan dengan ahli akademik. Saya tidak mahu kita nampak tidak begitu relevan dan penting daripada perspektif pandangan mereka. Saya yakin kita boleh merangka perancangan yang baik untuk mempromosikan profesion pustakawan kepada mereka dengan membina keperluan mereka di perpustakaan. Selain itu, saya menyarankan kepada semua staf untuk sentiasa mengemaskini diri dengan perkembangan teknologi baru. Cuba belajar untuk mengakses bahan-bahan di perpustakaan seperti e-Books dan e-Journal, rajin-rajin untuk membaca e-mel supaya tidak ketinggalan dengan berita dan maklumat terkini di universiti dan perpustakaan. Akhir kata, teruskan memberi sokongan pada perpustakaan. Tanamkan


dalam diri dan sematkan di hati kita untuk bertolak ansur, rajin, bekerjasama, tidak berpuak-puak dan bekerja dengan ikhlas. InsyaAllah, Allah akan memberkati setiap usaha serta hasil titik peluh dengan ganjaran besar.



Selamat bersara Encik M.I.H.A...

Karya Perpustakaan

Belajarlah dari kejayaan Usahawan dan Inovator Maklumat



Oleh: Muhammad Akmal Ahmat
Pustakawan

Ciptaan moden seperti enjin pencarian maklumat (*search engine*), telefon pintar (*smart phone*), tablet dan sebagainya telah membawa bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) terus berkembang pesat bagi memudahkan maklumat sampai ke pengguna tanpa mengira sempadan negara sehingga ke hari ini. Hal ini telah menimbulkan arus ledakan globalisasi teknologi maklumat di seluruh dunia. Sedar atau tidak, arus ledakan ini sebenarnya telah disuntik oleh sekumpulan professional yang dikenali sebagai “usahawan maklumat” dan “inovator maklumat”.

Siapakah “usahawan maklumat” dan “inovator maklumat” ini? Merujuk buku *“Becoming a successful intrapreneur: A practical guide to creating an innovative information service”*, usahawan maklumat ditakrif sebagai individu

yang mempunyai kombinasi kepakaran untuk menyelesaikan masalah perolehan maklumat berupaya menarik perhatian pengguna untuk mendapatkan kepakaran tersebut walaupun ia berbayar. Dengan lain perkataan, individu yang pakar dalam menyediakan sesuatu perkhidmatan atau produk dalam bidang berkaitan membekalkan akses kepada maklumat. Jennifer Rowley dalam bukunya *“Being an Information Innovator”* menakrifkan golongan ini sebagai individu yang mampu membuka, merintis, mengkaji, dan mencipta sesuatu teknologi atau pelopor pendekatan baru dalam membekalkan maklumat dengan cara yang lebih baik. Sementara penulis pula berpendapat, mereka adalah tenaga pakar yang memastikan objektif utama ini tercapai iaitu dalam apa jua keadaan pun maklumat itu semakin lebih mudah, pantas dan relevan untuk diakses.

Antara “usahawan maklumat” dan “inovator maklumat” yang mudah dikenali adalah pengasas enjin pencarian *Google* iaitu Sergey Brin dan Larry Page. Mereka berjaya membangunkan enjin pencarian yang memenuhi citarasa pengguna dalam keadaan optimum dengan memastikan setiap kata kunci yang digunakan memaparkan hasil pencarian yang tepat, tinggi dari segi *hits* dan amat relevan. Selain itu, kemunculan Facebook, laman rangkaian sosial maya yang dicipta oleh Mark Zuckerberg dan rakan-rakan beliau.

Facebook membolehkan seseorang itu sentiasa berhubung antara satu sama lain, berkongsi maklumat dengan lebih mudah, dan meningkatkan peluang pemasaran peniagaan. Dalam bidang berkaitan perpustakaan pula, ada beberapa individu yang berperanan sebagai “usahawan maklumat” dan “inovator maklumat” ini. Misalnya, Tim Spalding, beliau merupakan inovator maklumat yang berjaya membina rangkaian sosial yang fokus kepada pengkatalogan buku. Laman sesawang ciptaan beliau, *The Library Thing* yang telah menarik perhatian orang awam untuk lebih mudah mempelajari ilmu pengkatalogan supaya dapat mengurus koleksi bahan bacaan mereka di rumah dengan teratur. Manakala Peter McCracken seorang pustakawan rujukan sepenuh masa di *University of Washington's (UW) Odegaard Undergraduate Library*, tidak menyangka projek *Serials Solutions* yang dibangunkan bersama adik beradiknya telah membuahkan hasil lumayan. Projek berkenaan mendapat perhatian perpustakaan di seluruh dunia dalam menyelesaikan masalah menguruskan sumber maklumat elektronik terutama dalam hal akses dan pengurusan jurnal di dalam pangkalan data. Hal ini menunjukkan secara tidak langsung Peter McCracken telah menyumbang kepakarannya sebagai usahawan maklumat juga.

Di sebalik setiap kejayaan pasti ada rahsianya. Bagi usahawan maklumat dan inovator maklumat, mereka selalunya memegang erat beberapa kunci kejayaan dalam bidang ini. Pada pandangan penulis, rahsia kejayaan mereka yang boleh dikongsi bersama adalah didorong beberapa factor. Antaranya:

Mesra rangkaian.

Seseorang yang selalu mesra rangkaian akan mampu memperoleh kerjasama yang unik melangkaui pelbagai bidang. Dengan adanya kerjasama dapat merapatkan jurang kelemahan seseorang itu untuk berjaya serta

menggerakkan sesuatu kerja dengan lebih baik lagi. Sebagai contoh, Steve Jobs tidak mampu membina kerangka utama komputer *Apple 1* tanpa kerjasama Steve Wozniak yang pakar dalam membuatnya.

Mereka suka menerokai penciptaan sesuatu teknologi.

Menerokai pelbagai teknologi yang ada boleh membantu gerak kerja lebih maju. Mengetahui rahsia di sebalik penciptaan teknologi tersebut, misalnya, berkaitan pembangunan teknologi aplikasi. Membangkitkan pertanyaan dalam minda anda, bagaimanakah setiap aplikasi itu dibangunkan dan bagaimana ia patut dibangunkan semula selepas menemui beberapa kelemahan. Bolehkah ia dibangunkan dengan lebih baik?. Inilah yang diperkatakan oleh Mark Zuckerberg dalam mencernakan idea-idea pembaharuannya terhadap pembangunan aplikasi *Facebook*. Apabila beliau sentiasa menerokai teknologi aplikasi, beliau merasa teruja untuk berusaha lagi mendapatkan hasil yang lebih baik dari teknologi aplikasi yang sedia ada.

Pakar dalam perundingan.

Situasi menang-menang sering dititikberatkan apabila golongan ini berunding dengan individu atau organisasi lain dalam mendapatkan hasil. Mereka tidak memungkir janji dalam perundingan. Kegagalan dalam memenuhi janji boleh menyumbang kejatuhan prestasi mereka. Kebanyakan “usahawan maklumat” dan “inovator maklumat” mempunyai maklumat yang lengkap sebelum perundingan berlangsung.

Daya imaginasi yang tinggi.

Dalam merungkai masalah yang timbul, golongan ini suka berimaginasi sehingga berjam-jam lamanya. Namun begitu, imaginasi tersebut bukanlah kosong semata-mata. Mereka berimaginasi secara kalkulatif, analitis, dan inovatif ketika cuba mendapatkan kaedah terbaik dalam penyelesaian masalah tersebut. Kerana itu, mereka banyak membina pelan cadangan seperti pelan A, B, dan C, yang boleh dijadikan panduan sekiranya percubaan pertama tidak menjadi. Malah, kadang-kala idea penyelesaian yang terbaik muncul apabila mencantumkan kesemua pelan-pelan tersebut.


Berani ujilari.

Apabila siap sesuatu prototaip produk atau perkhidmatan baru, mereka akan mengadakan ujilari terlebih dahulu. Mereka akan mewujudkan versi-versi berlainan bagi setiap prototaip yang dijalankan bagi mengkaji perkembangannya. Hal ini membolehkan mereka mengukur prestasi terbaik yang dicapai oleh setiap prototaip yang dicuba.

Akhir sekali, berani untuk gagal.

Kejayaan bukan mudah untuk dicapai. Biar gagal beribu kali pun akan tetapi dengan usaha yang tidak mengenal putus asa, kejayaan tetap akan muncul pada akhirnya. Sebagai contoh, kita boleh lihat susur galur kepayahan yang terpaksa dilalui Steve Jobs dalam meningkatkan nilai produk *Apple* dari awal 90an lagi sehingga ia mencapai tahap kini yang menjadi kegilaan ramai penduduk dunia.

Kesimpulannya, kita perlu belajar dari kejayaan “usahawan maklumat” dan “inovator maklumat” untuk terus kekal relevan. Mereka telah terbukti berjaya menarik perhatian masyarakat untuk mendapatkan produk atau perkhidmatan yang disediakan. Mereka mempunyai sikap yang lebih terbuka dan dinamik untuk maju ke hadapan. Golongan ini berusaha mencari perubahan, bertindak dengan bijak lalu mendapat keuntungan yang tidak dijangka. Seperti ungkapan Peter Drucker, guru pengurusan yang menyatakan *“The entrepreneur always searches for change, responds to it, and exploits it as an opportunity”*.





Kembara Peristiwa

JAWATANKUASA HARI BERSAMA PELANGGAN

Jawatankuasa Hari Bersama Pelanggan, Perpustakaan merupakan jawatankuasa yang merancang dan melaksanakan program-program yang berperanan merapatkan hubungan di antara Perpustakaan dan pelanggan. Pada tahun 2011, Jawatankuasa ini telah menganjurkan program “Jom ke Perpustakaan” dari 12 – 15 September dalam usaha merapatkan hubungan dengan pelanggan, selain mengadakan kerjasama dengan Jawatankuasa Tabung Ikhtisas dalam mengadakan *Jumbo Sale*.

Aktiviti ini dijalankan bersempena dengan kemasukan para pelajar baharu ke Universiti Sains Malaysia. Peluang ini telah digunakan sebaiknya untuk mengedarkan risalah-risalah untuk mempromosikan aktiviti di Perpustakaan di samping berpeluang menerima aduan dan idea penambahbaikan terhadap Perpustakaan. Selain itu, pihak Perpustakaan turut mengedarkan cenderahati dan beg secara percuma kepada pengunjung sebagai tanda penghargaan atas sokongan mereka selama ini dalam memajukan gedung ilmu ini. Sambutan yang diterima amatlah menggalakkan dan pihak penganjur berharap agar dapat menjalankan program yang sama pada masa akan datang bagi mendekatkan lagi jaringan dan hubungan bersama pelanggan Perpustakaan yang disayangi.



Perpustakaan & Sumber Maklumat Terlarang



Husriati Hussain
Pustakawan

Jika seseorang ingin menghadiahkan bahan-bahan yang mengandungi maklumat terlarang, kontroversi atau *cancel* ke perpustakaan, patutkah perpustakaan menerimanya? Mengapa? Antara contoh maklumat terlarang, kontroversi atau *cancel* adalah seperti maklumat mengenai perbandingan agama, isu perkauman, seksual, isu keganasan, pemberontakan, masalah sosial seperti hubungan sejenis, pandangan dan nilai-nilai individu atau kumpulan tertentu yang ekstrim dan sebagainya. Berdasarkan *Information policy; Ethics and Values of Professional Librarians*; dan *Library Values Applied to Libraries Worldwide*, ada yang berpendapat bahawa perpustakaan patut menerima bahan-bahan maklumat tersebut jika dihadiahkan tetapi perlu mempunyai perancangan yang tertentu. "Perancangan" bermaksud perpustakaan perlu membuat satu garis panduan yang jelas dan jitu seperti kriteria bahan-bahan yang akan diterima, polisi penggunaannya serta bahan-bahan ini haruslah ditempatkan di kawasan koleksi yang tertutup agar mudah dikawal.

Menurut *Librarians Association of Malaysia Code of Ethics*, perpustakaan harus mengamalkan prinsip kebebasan intelek (intellectual freedom) dan membenarkan pengguna menggunakan semua koleksi perpustakaan tanpa tapisan, diskriminasi dan batasan undang-undang. Bagaimanapun untuk menghormati agama, budaya dan sensitiviti masyarakat Malaysia, bahan-bahan yang

Karya Perpustakaan

mengandungi maklumat terlarang, kontroversi dan *cancel* haruslah dikawal sebaik mungkin dan ditempatkan di ruangan khas seperti ruangan koleksi buku haram, ruangan koleksi penyelidikan atau ruangan koleksi khas. Kawasan koleksi ini perlulah diletakkan notis mengenai polisi penggunaannya agar pengguna tersebut faham dan akur dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Ini adalah kerana dikhuatiri pengguna tersebut merupakan atau berpotensi menjadi pengganas, pembelot, musuh negara atau mengamalkan gaya hidup songsang. Perpustakaan memang menyokong prinsip kebebasan intelek tetapi pada masa yang sama harus juga melihat aspek-aspek yang lain seperti tuntutan kerajaan, faktor keselamatan, agama, adat, budaya dan lain-lain. Keseimbangan semua aspek adalah sangat penting untuk kebaikan dan keharmonian bersama pengguna perpustakaan.

Selain daripada itu, perpustakaan perlu menerima bahan-bahan tersebut untuk tujuan rujukan, penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran. Ini adalah kerana antara nilai-nilai perpustakaan yang ada ialah menghormati kebenaran dan mencari kebenaran (respect for truth and the search for truth) serta adil (justice). Walaupun bahan-bahan tersebut mengandungi maklumat yang sensitif dan provokasi tetapi diharap kebenaran yang terkandung di dalamnya dapat memberi pengajaran dan pedoman di masa akan datang. Jika maklumat tersebut tidak benar, di harapkan melalui proses penyelidikan dan pendidikan, ketidakbenaran tersebut dapat dibuktikan dan kebenaran dapat dicari. Semua ini akan memperbaiki lagi kualiti hidup kita dari semasa ke semasa. Ini juga selari dengan peranan perpustakaan sebagai sebuah pusat kepercayaan sosial dan pusat pembangunan modal insan (*social capital*).

Kesimpulannya, jika perpustakaan mengamalkan etika-etika dan nilai-nilai profesionalnya dengan sebaik mungkin, bahan-bahan yang mengandungi maklumat terlarang, kontroversi atau *cancel* ini selamat tersimpan, digunakan dan terpelihara di perpustakaan. *The Code of Ethics* dan *the ALA (American Library Association) Library of Rights* juga turut menyebut bahawa perpustakaan merupakan sebuah tempat yang paling selamat dalam konteks bahan-bahan maklumat ini. Bahan-bahan tersebut hendaklah diuruskan serta dijaga dengan sebaik mungkin agar bahan-bahan ini tidak disalahgunakan di masa akan datang.



Tahukah Anda?

Terdapat 7 nilai perpustakaan (library values) yang diamalkan oleh perpustakaan seluruh dunia iaitu:

1. *The Value of Service*

Memberi perkhidmatan maklumat yang relevan untuk memenuhi keperluan maklumat pengguna

2. *Reading and the Book are Important*

Menegakkan dan patuh pada prinsip tabiat membaca dan buku adalah penting

3. *Respect for Truth and the Search for Truth*

Menghormati dan mencari kebenaran sesuatu maklumat

4. *Tolerance*

Bersikap timbang rasa dalam semua aspek yang melibatkan perpustakaan termasuk pembangunan koleksi perpustakaan dan menjawab soalan pengguna

5. *The Public Good*

Semua perkhidmatan dan kemudahan yang terdapat di perpustakaan boleh digunakan untuk kebaikan bersama

6. *Justice*


Merujuk pada keadilan iaitu memberi hak sama rata kepada mereka yang layak menerimanya

7. *Aesthetics*

Perpustakaan juga mempunyai nilai estetika kerana ia menyimpan koleksi yang unik dan mempunyai nilai tambah (added-value) yang tersendiri seperti manuskrip, koleksi seni yang menerima pengiktirafan, kesusasteraan masa lampau dan sebagainya

Kembara Peristiwa

Jawatankuasa Kempen Membaca



Jawatankuasa Kempen Membaca merupakan jawatankuasa yang memainkan peranan penting untuk menggalakkan minat membaca di kalangan staf dan pelajar USM. Jawatankuasa ini juga sinonim dengan motto JomBaca@PHS dalam menarik pengunjung menyertai program-program yang dianjurkan. Objektif jawatankuasa ini adalah mempromosi budaya membaca di kalangan warga USM secara khusus dan masyarakat luar amnya.

Berikut adalah program-program yang telah dianjurkan:


1. PHS@Chemor

15 Mei 2010 - Perpustakaan Hamzah Sendut dengan kerjasama Kumpulan Siswa Siswi Darul Ridzuan, USM telah bekerjasama dalam menjayakan program ini bertempat di SK Syed Idrus, Chemor, Perak. Pelbagai aktiviti telah diadakan sepanjang program berlangsung seperti gotong royong di pusat sumber, seminar teknik membaca, pertandingan bercerita dan mewarna, perkhidmatan pemeriksaan kesihatan dan lain-lain.



2. Sambutan Hari Kemerdekaan yang ke-53 dan Hari Malaysia

Pada 1 – 29 September 2010, telah diadakan aktiviti sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia. Disamping pameran, pelbagai pertandingan telah diadakan iaitu pertandingan menghasilkan video pendek, pertandingan fotografi dan poster kemerdekaan.



Books are the quietest and most constant of friends; they are the most accessible and wisest of counselors, and the most patient of teachers.

Charles William Cist

An old man said
"Erasers are made For those who make MISTAKES."

A youth replied
"Erasers are made for those who are willing to CORRECT their mistakes !!!"

ATTITUDE MATTERS !!

Kembara Peristiwa

ASTAKA 2010-2012

Jawatankuasa Angkatan Seni dan Sukan Perpustakaan (ASTAKA) yang memainkan peranan mengadakan aktiviti berbentuk sosial serta menjaga kebajikan staf Perpustakaan telah merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti demi merapatkan hubungan kekeluargaan sesama staf Perpustakaan. Pada awal 2010, beberapa langkah pemurniaan telah diambil sesuai dengan peredaran zaman teknologi dengan mewujudkan laman blog, emel rasmi iaitu astaka@usm.my, serta memurnikan kembali *letterhead* ASTAKA dan mengubah cogan kata supaya menjadi lebih relevan. Cogan kata baru ASTAKA terhasil melalui pertandingan. Puan Noor Azlinda Wan Jan dari Bahagian Automasi telah memenangi pertandingan tersebut dengan cogan kata 'Astaka Menjana Transformasi Perpustakaan'.

Berikut disertakan aktiviti-aktiviti dan program-program yang telah diadakan

- Majlis Jamuan Hari Raya 2010
- Majlis Jamuan Deepavali 2010
- Percutian ke Hatyai, Thailand.
- Majlis Jamuan Raya Cina 2011
- Majlis Jamuan Hari Raya 2011
- Majlis Jamuan Deepavali 2011
- Majlis Makan Malam 2011
- Hari Keluarga Perpustakaan 2011



Aktiviti Sukan

Kejohanan Boling 2011

Tarikh: 2 April 2011

Tempat: Premium Lane Sunshine Square



Kejohanan Badminton Tertutup ASTAKA 2011

Tarikh: 22 Mei 2011

Tempat: Gelanggang Badminton Kompleks Sukan USM



Saya dapati banyak sungguh peningkatan dan perubahan telah berlaku di PHS sejak saya bertugas bermula pada tahun 1982 hingga kini. Saya tengok perubahan itu adalah dari segi meningkatnya jumlah perkhidmatan, jumlah pelanggan, kecanggihan IT dan kemudahan infrastruktur yang mesra pelanggan. Perubahan ini saya rasa sungguh ketara.

Parameswari A/P Subramaniam
Tempoh perkhidmatan: 30 tahun



Selama saya berkhidmat 29 tahun di perpustakaan, saya melihat banyak perubahan berlaku macam adanya bangunan baharu PHS yang lebih selesa dan santai. Kemudahan pun banyak seperti kawasan membaca 24 jam, wifi, internet juga kaunter maklumat di setiap bangunan. Konsepnya adalah selesa. Dengan cara ini pengguna saya tengok dapat maklumat lebih cepat dan berkesan

Rahmah Baharom
Tempoh perkhidmatan: 29 tahun



Pada pandangan saya perpustakaan ni sememangnya adalah gedung ilmu, bangunan kita ada infrastruktur yang lengkap dan saya rasa perpustakaan kita sistematik lah. Bila saya tengok perpustakaan buat penambahan bangunan baru yang saya rasa bertaraf tinggi, saya rasa ini memang satu kejayaan lah. Ramai suka dengan reka bentuk bangunan, cantik, suasana dalam pulak tenang. Memang kalau tengok pelajar makin banyak yang datang. Tapi penambahbaikan kena dibuat lah, macam tambah lagi teknologi. Buat kerja pun mesti jadi lebih produktif.

Noor Azizan Abu Hashim
Tempoh perkhidmatan: 1 tahun



Saya pulak rasa Perpustakaan kita alami 'letupan' teknologi. Saya rasa gembira dengan perubahan ini.

Saad Darus
Tempoh perkhidmatan: 30 tahun




Saya rasa dari segi fizikal binaan dah ok cuma ada sikit kekurangan di bangunan lama. Kalau boleh biarlah pihak pengurusan beri perhatian pada hal ni. Ceriakan bangunan lama macam bangunan baru. Perkhidmatan pun ok tapi bahan kurang up to date sikit.

Intan Haryati Ibrahim
Tempoh perkhidmatan: 1 tahun



Pandangan saya PHS organisasi yang baik, pentadbirannya baik. Perkhidmatan pada pelanggan bagi saya masuk dalam kategori antara yang terbaik. Bayangkan koleksi kita ada 1 juta. Cuma yang kurangnya saya rasa adalah teknologi yang diguna macam mesin mesin diri mestilah yang terkini, bookdrop kalau boleh yang terkini, sistem peminjaman dan sebagainya. Sistem yang ada walaupun ok tapi efisiennya saya rasa kurang sikit dan boleh dibaiki contoh sistem RFID kita ada kelemahannya berbanding perpustakaan yang lain.

Mohd Syibri Afnan Mhd Fakhruddin
Tempoh perkhidmatan: 2 tahun



Resource Description and Access : awareness of RDA

What is RDA?

RDA stands for "Resource Description and Access" and is the working title of the new standard that will be the successor to AACR2 (Anglo-American Cataloguing Rules 2nd Edition).

Who is responsible for developing RDA?

The Joint Steering Committee for Development of RDA (JSC), working with the RDA Editor, is responsible for developing RDA. The JSC consists of representatives from six major Anglo-American cataloguing communities. These include the American Library Association (ALA), the Australian Committee on Cataloguing (ACOC), the British Library (BL), the Canadian Committee on Cataloguing (CCC), the Chartered Institute of Library and Information Professionals (CILIP), and the Library of Congress (LC). The JSC and RDA Editor are assisted by the JSC Secretary and the RDA Project Manager.

What happened to AACR3?

In April 2005, the Joint Steering Committee for the Revision of AACR (JSC) and its parent organization, the Committee of Principals (CoP) determined from comments received on the revision of part I of AACR3 that they needed to change their approach. After reviewing a number of alternatives, they decided that a new standard designed for the digital environment was more appropriate. Their vision included guidelines and instructions that would cover description and access for all digital and analog resources, resulting in records that could be used in a variety of digital environments (the Internet, Web OPACs, etc.).

Why did the name change to RDA - Resource Description and Access?

The name "RDA - Resource Description and Access" reflects the changes both in format and scope envisioned by the JSC and CoP at their April 2005 meeting. RDA will be a new standard for resource description and access designed for the digital world. RDA will provide:

- A flexible framework for describing all resources - analog and digital

- Data that is readily adaptable to new and emerging database structures
- Data that is compatible with existing records in online library catalogues

Why is it necessary to issue a brand new standard? (What's wrong with the old one?)

